14. **“Pakar Perubatan”** bermaksud pengamal perubatan berdaftar yang layak dan berlesen untuk mengamalkan perubatan Barat. Semasa memberikan rawatan, orang ini mestilah mengamalkan mengikut skop pelesenan dan latihannya di kawasan geografi profesion tersebut. Orang ini tidak boleh merupakan Ahli Yang Diinsuranskan, suami atau isteri Ahli Yang Diinsuranskan atau saudara rapat Ahli Yang Diinsuranskan.
15. **“Keadaan Sedia Ada”** bermaksud hilang upaya, penyakit dan/atau keadaan yang Ahli Yang Diinsuranskan dan/atau Syarikat mengetahui sewajarnya sebelum Tarikh Masuk. Ahli Yang Diinsuranskan dan/atau Syarikat boleh dikira mempunyai pengetahuan sewajarnya mengenai suatu keadaan sedia ada jika ketidakupayaan, penyakit dan/atau keadaan tersebut merupakan satu yang mana:
- Ahli Yang Diinsuranskan telah menerima atau sedang menerima rawatan;
 - nasihat perubatan, diagnosis, jagaan atau rawatan telah disyorkan;
 - simptom yang jelas dan tetap dapat atau telah dilihat dengan nyata; atau
 - kewujudannya dapat diperhatikan dengan jelas bagi orang waras yang mengalami keadaan itu.
16. **“Penyakit Membawa Maut”** bermaksud Ahli Yang Diinsuranskan mengalami keadaan yang pada pendapat Pakar Perubatan ianya dijangka mengakibatkan kematian dalam tempoh dua belas (12) bulan dan di mana Ahli Yang Diinsuranskan seharusnya tidak menerima rawatan yang aktif selain daripada untuk menghilangkan rasa sakit.
17. **“Hilang Upaya Menyeluruh dan Kekal”** bermaksud:
- semasa berumur lapan belas (18) tahun dan ke atas tetapi di bawah umur enam puluh satu (61) tahun, Ahli yang Diinsuranskan:
 - menjadi tidak berupaya langsung dan buat selama-lamanya untuk terlibat dalam sebarang pekerjaan dan tidak berupaya langsung dan buat selama-lamanya untuk melakukan sebarang kerja bagi mendapatkan upah atau keuntungan;
 - hilang penglihatan menyeluruh dan tidak boleh pulih kedua-dua belah mata;
 - hilang menyeluruh dan tidak boleh pulih akibat putus satu anggota setiap satu pada atau di atas paras pergelangan tangan dan pergelangan kakinya, atau dua anggota pada atau di atas paras pergelangan tangan atau pergelangan kakinya; atau
 - hilang penglihatan menyeluruh dan tidak boleh pulih sebelah mata dan hilang menyeluruh dan tidak boleh pulih akibat putus satu anggota pada atau di atas paras pergelangan tangan atau pergelangan kaki.

atau
 - semasa berumur enam puluh satu (61) tahun dan ke atas tetapi di bawah umur tujuh puluh (70) tahun bagi Ahli Yang Diinsuranskan, ia bermaksud pengesahan oleh Pakar Perubatan mengenai kehilangan kehidupan bermandiri berkekalan untuk tempoh minimum enam (6) bulan dan menyebabkan ketidakupayaan tetap untuk melakukan sekurang-kurangnya tiga (3) dari Aktiviti Harian Kehidupan yang berikut sama ada dengan atau tanpa menggunakan peralatan mekanikal, peranti khas atau lain-lain bantuan dan penyesuaian yang digunakan untuk orang hilang upaya.

Aktiviti Kehidupan Harian adalah:

- Pengalihan
Memasuki dan keluar daripada sebuah kerusi tanpa memerlukan bantuan fizikal.
- Mobiliti
Keupayaan untuk bergerak dari satu bilik ke bilik yang lain tanpa memerlukan sebarang bantuan fizikal.
- Kontinen
Keupayaan untuk mengawal usus dan fungsi-fungsi pundi secara sukarela bagi mengekalkan kebersihan diri.
- Memakai baju
Memakai dan menanggal semua barangan pakaian tanpa memerlukan bantuan orang yang lain.
- Mandi/Membasuh
Keupayaan untuk membasuh diri di dalam tempat mandian atau pancuran (termasuk memasuki dan keluar daripada tempat mandian atau pancuran) atau membasuh diri dengan cara lain.
- Makan
Semua usaha memasukkan makanan ke dalam badan setelah ia disediakan.

Dalam semua kes di bawah (a) atau (b) yang dinyatakan di atas, hilang upaya tersebut mestilah kekal dan berlanjutan bagi tempoh minimum enam (6) bulan berturut-turut.

Untuk tujuan takrifan “Hilang Upaya Menyeluruh dan Kekal”, perkataan “kekal”, bermaksud di luar harapan pemulihan dengan pengetahuan perubatan dan teknologi terkini.

18. **Cukai** bermaksud
- (a) cukai barang dan perkhidmatan;
 - (b) nilai tambahan cukai;
 - (c) cukai penggunaan; atau
 - (d) sebarang cukai, duti, bayaran atau penguatkuasaan lain yang berkaitan dengan apa saja nama yang dipanggil; yang boleh dikenakan atau dicaj di bawah undang-undang dan peraturan-peraturan atau kaedah-kaedah serta panduan-panduan yang lain daripada pihak berkuasa yang berkaitan.

BAHAGIAN II - PEMEGANG SIJIL

1. Dalam Polisi tersebut, apa-apa rujukan kepada “**Pemegang Sijil**” bermaksud:
 - (a) Syarikat, jika Susunan Pihak yang dinyatakan dalam Jadual Sijil Insurans bagi Sijil Insurans ini adalah susunan 4 pihak; atau
 - (b) Ahli Yang Diinsuranskan, jika Susunan Pihak yang dinyatakan dalam Jadual Sijil Insurans bagi Sijil Insurans ini adalah susunan 3 pihak,kecuali dinyatakan selainnya.
2. Untuk mengelakkan keraguan, di mana Susunan Pihak adalah susunan 4 pihak, Ahli Yang Diinsuranskan tidak akan berurusan dengan Sijil Insurans ini dan memberi kuasa yang tidak boleh ditarik balik kepada Syarikat untuk mengurus Sijil Insurans ini selaras dengan Sijil Insurans ini.
3. Peruntukan Sijil Insurans ini akan mengikat harta pusaka dan/atau wakil peribadi Ahli Yang Diinsuranskan.

BAHAGIAN III - PENAMATAN

Seksyen A – Penamatan

Perlindungan insurans untuk Ahli Yang Diinsuranskan di bawah Sijil Insurans ini akan tamat:

- (a) pada Tarikh Tamat Tempoh;
- (b) pada tarikh di mana Ahli Yang Diinsuranskan meninggal dunia;
- (c) apabila Jumlah Diinsuranskan Yang Berkenaan menjadi kosong/sifar;
- (d) apabila Sijil Insurans ini dibatalkan, terbatal atau diserahkan; atau
- (e) pada tarikh di mana Sijil Insurans bagi Ahli Yang Diinsuranskan atau Polisi ditamatkan berikutan dengan Sijil Insurans ini;

yang mana lebih awal.

BAHAGIAN IV – PERUNTUKAN TENTANG MANFAAT

Seksyen A – Manfaat Kematian

1. Tertakluk kepada peruntukan dalam Polisi, jika Ahli Yang Diinsuranskan meninggal dunia semasa Sijil Insurans ini berkuat kuasa, Manfaat Kematian yang perlu dibayar oleh PAMB adalah amaun yang lebih rendah bagi:
 - (a) Jumlah Diinsuranskan Yang Berkenaan; atau
 - (b) Amaun Manfaat untuk Manfaat Kematian yang ditunjukkan dalam Jadual Sijil Insurans bagi Sijil Insurans ini,yang diguna pakai bagi Ahli Yang Diinsuranskan dalam bulan di mana Ahli Yang Diinsuranskan meninggal dunia.
2. Syarat-syarat untuk Pembayaran Manfaat Kematian
 - (a) Notis bertulis kematian Ahli Yang Diinsuranskan, bersama dengan bukti tuntutan, dokumen tuntutan yang berkenaan dan maklumat yang Kami minta untuk menilai tuntutan dan untuk menentukan sebab dan keadaan berkenaan dengan kematian Ahli Yang Diinsuranskan (secara kolektif dirujuk sebagai "Notis Tuntutan Kematian") mestilah diberikan kepada Ibu Pejabat Kami secepat mungkin dalam tempoh enam (6) bulan dari tarikh kematian. Ia hanya akan dianggap sebagai telah disampaikan jika Kami telah sebenarnya menerimanya.
 - (b) Sekiranya Notis Tuntutan Kematian gagal sampai kepada Kami dalam tempoh yang ditetapkan, ia tidak bermakna tuntutan itu tidak sah jika ia boleh ditunjukkan bahawa ia adalah tidak munasabah untuk memberikan Notis Tuntutan Kematian dalam tempoh yang ditetapkan dan Notis Tuntutan Kematian telah diberikan secepat mungkin.
 - (c) Kami tidak bertanggungjawab ke atas sebarang perbelanjaan yang ditanggung untuk mendapatkan Notis Tuntutan Kematian.
 - (d) Kami boleh menolak untuk membayar Manfaat Kematian di bawah Sijil Insurans ini jika syarat-syarat di atas tidak dipenuhi.

Seksyen B – Manfaat Hilang Upaya Menyeluruh dan Kekal

1. Tertakluk kepada peruntukan dalam Polisi, jika Ahli Yang Diinsuranskan mengalami Hilang Upaya Menyeluruh dan Kekal ("TPD") sebelum mencapai umur tujuh puluh (70) tahun semasa Sijil Insurans ini berkuat kuasa dan Ahli Yang Diinsuranskan tersebut memberi Kami bukti bahawa hilang upaya tersebut telah berterusan untuk sekurang-kurangnya enam (6) bulan atau lebih secara berturut-turut, Manfaat TPD yang perlu dibayar oleh PAMB adalah amaun yang lebih rendah bagi:
 - (a) Jumlah Diinsuranskan Yang Berkenaan; atau
 - (b) Amaun Manfaat untuk Manfaat TPD yang ditunjukkan dalam Jadual Sijil Insurans bagi Sijil Insurans ini,yang diguna pakai bagi Ahli Yang Diinsuranskan dalam bulan di mana Ahli Yang Diinsuranskan mengalami Hilang Upaya Menyeluruh dan Kekal.
2. Di mana jumlah yang perlu dibayar untuk Manfaat TPD di bawah Sijil Insurans ini dan jumlah yang dibayar untuk TPD di bawah lampiran atau polisi lain yang melindungi Ahli Yang Diinsuranskan yang sama:
 - (a) adalah kurang daripada atau bersamaan dengan RM1,000,000, Kami akan membayar secara sekali gus; atau
 - (b) lebih daripada RM1,000,000, Kami akan membayar:
 - (i) bayaran sekali gus sebanyak RM1,000,000; dan
 - (ii) asalkan Kami mempunyai bukti mengenai keadaan TPD Ahli Yang Diinsuranskan yang berterusan, Kami akan membayar baki Manfaat TPD pada ulang tahun pertama TPD bagi Ahli Yang Diinsuranskan. Walau bagaimanapun, sekiranya Ahli Yang Diinsuranskan meninggal dunia sebelum ulang tahun pertama TPD, Kami akan membayar baki Manfaat TPD tersebut kepada mana-mana orang(-orang) yang layak.
3. Syarat-syarat untuk Pembayaran Manfaat TPD
 - (a) Notis bertulis mengenai apa-apa tuntutan untuk Manfaat TPD, bersama-sama dengan bukti tuntutan, dokumen tuntutan berkenaan dan maklumat yang Kami minta untuk menilai tuntutan serta untuk menentukan sebab dan keadaan berkenaan dengan keadaan TPD Ahli Yang Diinsuranskan (secara kolektif dirujuk sebagai "Notis Tuntutan TPD") mesti diberikan kepada Ibu Pejabat Kami dalam tempoh enam (6) bulan dari tarikh kejadian yang menimbulkan tuntutan, semasa Ahli Yang Diinsuranskan masih hidup.
 - (b) Sekiranya Pemegang Sijil gagal berbuat demikian, ini tidak bermakna tuntutan tersebut tidak sah jika anda dapat menunjukkan bahawa ia adalah tidak munasabah untuk memberikan Notis Tuntutan TPD tersebut dalam tempoh yang ditetapkan dan notis tersebut telah diberikan dengan seberapa segera yang munasabah.
 - (c) Kami tidak bertanggungjawab ke atas sebarang perbelanjaan yang ditanggung untuk mendapatkan Notis Tuntutan TPD.
 - (d) Selepas mengemukakan Notis Tuntutan TPD, Ahli Yang Diinsuranskan mesti bersetuju untuk menjalani pemeriksaan perubatan yang dijalankan oleh Pakar Perubatan yang Kami telah menetapkan seperti yang dikehendaki.
 - (e) Untuk menilai tuntutan, Ahli Yang Diinsuranskan mungkin tertakluk kepada lebih daripada satu pemeriksaan perubatan. Jika dia gagal menjalani pemeriksaan perubatan apabila Kami minta atau Kami tidak menerima bukti mengenai keadaan TPD berterusan untuk Ahli Yang Diinsuranskan, Manfaat TPD akan ditamatkan serta-merta pada tarikh permintaan Kami.
 - (f) Kami boleh menolak untuk membayar Manfaat TPD di bawah Sijil Insurans ini jika syarat-syarat di atas tidak dipenuhi.

Seksyen C – Manfaat Penyakit Membawa Maut

1. Tertakluk kepada peruntukan dalam Polisi, jika Ahli Yang Diinsuranskan mengalami Penyakit Membawa Maut ("TI") sebelum mencapai umur tujuh puluh (70) tahun semasa Sijil Insurans ini berkuat kuasa, Manfaat TI yang perlu dibayar oleh PAMB adalah amaun yang lebih rendah bagi:
 - (a) Jumlah Diinsuranskan Yang Berkenaan; atau
 - (b) Amaun Manfaat untuk Manfaat TI yang ditunjukkan dalam Jadual Sijil Insurans bagi Sijil Insurans ini,yang diguna pakai bagi Ahli Yang Diinsuranskan dalam bulan di mana Ahli Yang Diinsuranskan mengalami Penyakit Membawa Maut.
2. Kami akan membayar maksimum amaun sebanyak RM2,000,000 untuk Manfaat Penyakit Membawa Maut dan Manfaat Membawa Maut Yang Lain. Kami tidak akan membayar Manfaat Penyakit Membawa Maut berikutan dengan Polisi ini jika Manfaat Penyakit Membawa Maut Yang Lain yang dibayar oleh Kami telah mencapai atau melebihi

RM2,000,000.

3. Syarat-syarat untuk Pembayaran Manfaat TI

- (a) Notis bertulis mengenai apa-apa tuntutan untuk Manfaat TI, bersama-sama dengan bukti tuntutan, dokumen tuntutan berkenaan dan maklumat yang Kami minta untuk menilai tuntutan serta untuk menentukan sebab dan keadaan berkenaan dengan keadaan TI Ahli Yang Diinsuranskan (secara kolektif dirujuk sebagai "Notis Tuntutan TI") mesti diberikan kepada Ibu Pejabat Kami dalam tempoh enam (6) bulan dari tarikh kejadian yang menimbulkan tuntutan, semasa Ahli Yang Diinsuranskan masih hidup.
- (b) Sekiranya Pemegang Sijil gagal berbuat demikian, ini tidak bermakna tuntutan tersebut tidak sah jika anda dapat menunjukkan bahawa ia adalah tidak munasabah untuk memberikan Notis Tuntutan TI tersebut dalam tempoh yang ditetapkan dan notis tersebut telah diberikan dengan seberapa segera yang munasabah.
- (c) Kami tidak bertanggungjawab ke atas sebarang perbelanjaan yang ditanggung untuk mendapatkan Notis Tuntutan TI.
- (d) Selepas mengemukakan Notis Tuntutan TI, Ahli Yang Diinsuranskan mesti bersetuju untuk menjalani pemeriksaan(-pemeriksaan) perubatan yang dijalankan oleh Pakar Perubatan yang Kami telah menetapkan seperti yang dikehendaki.
- (e) Kami boleh menolak untuk membayar Manfaat TI di bawah Sijil Insurans ini jika syarat-syarat di atas tidak dipenuhi.

Seksyen D – Manfaat Ihsan

Tertakluk kepada peruntukan dalam Polisi, jika Ahli Yang Diinsuranskan meninggal dunia semasa Sijil Insurans ini berkuat kuasa, dengan syarat Tuntutan Kematian telah diluluskan di bawah Sijil Insurans ini, Manfaat Ihsan yang perlu dibayar sekali gus oleh PAMB, adalah amaun yang lebih rendah bagi:

- (a) 5% daripada Jumlah Diinsuranskan Yang Berkenaan; atau
- (b) Amaun Manfaat untuk Manfaat Ihsan yang ditunjukkan dalam Jadual Sijil Insurans bagi Sijil Insurans ini,

yang diguna pakai dalam bulan di mana Ahli Yang Diinsuranskan meninggal dunia.

Seksyen E – Pengecualian

1. Manfaat Kematian dan Manfaat Ihsan tidak akan dibayar berkenaan dengan kematian Ahli Yang Diinsuranskan yang secara langsung atau secara tidak langsung disebabkan oleh atau berkaitan dengan:

- (a) bunuh diri; atau
- (b) sebarang Keadaan Sedia Ada;

dalam satu (1) tahun dari Tarikh Masuk yang ditunjukkan dalam Jadual Sijil Insurans bagi Sijil Insurans ini.

Sekiranya berlaku perkara di atas, Kami akan membayar jumlah premium yang dibayar (tidak termasuk Cukai, jika ada) tolak apa-apa amaun yang terhutang oleh Pemegang Polisi Induk atau Pemegang Sijil kepada Kami semasa Tempoh Perlindungan.

2. Manfaat Hilang Upaya Menyeluruh dan Kekal tidak akan dibayar berkenaan dengan mana-mana keadaan/penyakit/kecederaan/peristiwa yang secara langsung atau secara tidak langsung disebabkan oleh atau berkaitan dengan:

- (a) sebarang cubaan membunuh diri atau kecederaan diri yang disengajakan, sama ada cubaan/ sengaja dalam keadaan siuman atau tidak siuman;
- (b) sebarang penglibatan dalam penerbangan udara; selain daripada sebagai juruterbang, anak kapal atau sebagai penumpang yang membayar tambang dalam pesawat penumpang komersil berlesen yang beroperasi melalui laluan yang dijadualkan saja;
- (c) sebarang penyertaan dalam aktiviti sukan udara seperti peluncuran gantung, menaiki belon terbang, terjun dengan payung terjun, terjun udara, terjun bungee dan aktiviti lain seumpamanya; atau
- (d) sebarang Keadaan Sedia Ada dalam satu (1) tahun dari Tarikh Masuk yang dinyatakan dalam Jadual Sijil Insurans bagi Sijil Insurans ini.

3. Manfaat Penyakit Membawa Maut tidak akan dibayar berkenaan dengan mana-mana Penyakit Membawa Maut yang secara langsung atau secara tidak langsung disebabkan oleh:

- (a) sebarang cubaan membunuh diri atau kecederaan diri yang disengajakan, sama ada cubaan/ sengaja dalam keadaan siuman atau tidak siuman;
- (b) ketagihan alkohol, pengambilan alkohol, narkotik atau dadah melainkan diambil seperti yang dipreskripsikan oleh seorang Pakar Perubatan;
- (c) kecelaruan mental, termasuk dan tidak terhad kepada Anoroxia Nervosa, Keresahan, Kemurungan, Mania, Neurosis, Paranoia, Psikosis dan Skizofrenia;
- (d) sebarang Keadaan Sedia Ada dalam satu (1) tahun dari Tarikh Masuk yang dinyatakan dalam Jadual Sijil Insurans bagi Sijil Insurans ini; atau
- (e) tuntutan berikutan dengan Manfaat TI atau simptom Penyakit Membawa Maut wujud sebelum atau dalam masa tiga puluh (30) hari dari Tarikh Masuk.

Seksyen F – Bayaran

Pembayaran wang kecuali Manfaat Ihsan

1. Pembayaran apa-apa wang di bawah Sijil Insurans ini harus dibayar kepada Pemegang Polisi Induk.
 - (a) Jika tiada amaun yang terhutang oleh Pemegang Sijil kepada Pemegang Polisi Induk, amaun bagi wang berbayar di bawah Polisi ini harus digunakan untuk membayar hutang tersebut terlebih dahulu, dan wang yang terlebih daripada hutang oleh Pemegang Sijil kepada Pemegang Polisi Induk, jika ada, akan dibayar kepada Pemegang Sijil atau orang(-orang) yang layak melalui Ahli Yang Diinsuranskan.
 - (b) Jika tiada hutang oleh Pemegang Sijil kepada Pemegang Polisi Induk, apa-apa wang berbayar di bawah Sijil Insurans ini akan dibayar kepada Pemegang Sijil atau orang(-orang) yang layak melalui Ahli Yang Diinsuranskan.

Bayaran untuk Manfaat Ihsan

2. Sekiranya berlaku kematian Ahli Yang Diinsuranskan, Manfaat Ihsan harus dibayar kepada:
 - (a) orang(-orang) yang layak melalui Ahli Yang Diinsuranskan, jika Susunan Pihak yang dinyatakan dalam Jadual Sijil Insurans bagi Sijil Insurans ini adalah susunan 3 pihak; atau
 - (b) Pemegang Sijil, jika Susunan Pihak yang dinyatakan dalam Jadual Sijil Insurans bagi Sijil Insurans ini adalah susunan 4 pihak.

Seksyen G – Nilai Serahan

1. Pemegang Polisi Induk (atau Pemegang Sijil, jika tiada amaun yang terhutang oleh Pemegang Sijil kepada Pemegang Polisi Induk) boleh menyerahkan Sijil Insurans ini sebelum Tarikh Tamat Tempoh yang dinyatakan dalam Sijil Insurans dengan memberi arahan secara bertulis kepada PAMB dan mengembalikan Sijil Insurans asal tersebut kepada PAMB. Notis bertulis bagi penyerahan boleh diperolehi daripada PAMB atas permintaan.
2. Tatkala penyerahan bagi mana-mana perlindungan insurans mengikut Polisi ini, Kami akan membayar nilai serahan selepas menolak sebarang amaun yang Pemegang Polisi Induk atau Pemegang Sijil berhutang kepada Kami.

Seksyen H – Rider Refund Of Premium (“ROP”) (jika berkenaan)

Jika Rider Refund of Premium (ROP) – 100% berkuat kuasa:

1. Tertakluk kepada peruntukan Polisi, jika tiada tuntutan dibuat untuk mana-mana Manfaat Asas semasa Tempoh Perlindungan dan Sijil Insurans ini masih berkuat kuasa sehingga Tarikh Tamat Tempoh, Kami akan membayar Amaun Manfaat untuk Refund of Premium yang ditunjukkan dalam Jadual Sijil Insurans bagi Sijil Insurans ini selepas Tarikh Tamat Tempoh, tolak apa-apa amaun yang terhutang oleh Pemegang Polisi Induk atau Pemegang Sijil kepada Kami semasa Tempoh Perlindungan.
2. Rider tersebut akan ditamatkan secara automatik apabila:
 - (a) Sijil Insurans ini tamat sebelum Tarikh Tamat Tempoh yang ditunjukkan dalam Jadual Sijil Insurans bagi Sijil Insurans ini;
 - (b) Rider ROP dibatalkan, terbatal atau diserahkan;
 - (c) tuntutan untuk Manfaat Kematian, Manfaat TPD atau Manfaat Penyakit Membawa Maut di bawah Sijil Insurans ini diluluskan; atau
 - (d) Kami membayar Amaun Benefit untuk Rider ROP,

mana-mana yang berlaku terlebih dahulu.

BAHAGIAN V – PERUNTUKAN TENTANG PREMIUM

Seksyen A – Bayaran Premium

Premium yang perlu dibayar merupakan Jumlah Amaun Yang Perlu Dibayar yang dinyatakan dalam Jadual Sijil Insurans bagi Sijil Insurans ini. Pemegang Sijil harus membayar premium secara terus kepada Kami atau membayar premium kepada Pemegang Polisi Induk di mana Pemegang Polisi Induk tersebut harus membayar premium yang dikutip kepada Kami.

BAHAGIAN VI – PERUNTUKAN AM

Seksyen A –Pentafsiran

1. Dalam Sijil Insurans ini, melainkan Kami menyatakan sesuatu yang lain atau melainkan ia harus difahamkan untuk maksud lain mengikut keadaan:
 - (a) perkataan yang membawa maksud jantina lelaki seperti yang digunakan dalam Sijil Insurans ini termasuk jantina perempuan;
 - (b) perkataan yang bermaksud tunggal adalah juga merujuk kepada jumlah majmuk dan juga sebaliknya; dan
 - (c) tajuk besar digunakan untuk permudahan rujukan sahaja dan ia tidak akan memberikan sebarang kesan kepada pentafsiran Sijil Insurans ini.
2. Sekiranya sebarang peruntukan atau sebahagian daripada peruntukan dalam Sijil Insurans ini adalah tidak sah atau tidak boleh dikuatkuasakan di bawah undang-undang, ia tidak akan memberi kesan kepada kesahihan dan penguatkuasaan bagi peruntukan-peruntukan yang lain. Peruntukan yang terbabit atau sebahagian daripada peruntukan yang terbabit tersebut adalah diasingkan.

Seksyen B – Pemilikan Polisi

Melainkan dinyatakan secara nyata dalam endorsemen bagi Polisi tersebut, Pemegang Polisi Induk merupakan pemilik mutlak Polisi tersebut. Kami tidak akan mengenali atau mengakui sebarang ekuiti atau tuntutan lain kepada atau kepentingan dalam Polisi tersebut. Oleh itu, penerimaan Polisi tersebut dan/atau sebarang manfaat di bawah Polisi tersebut oleh Pemegang Polisi Induk (atau wakilnya di sisi undang-undang atau wakilnya yang diberi kuasa) adalah pelepasan berkesan atas semua kewajipan dan liabiliti Kami. Pemegang Polisi Induk akan dianggap bertanggungjawab sebagai prinsipal atau ejen kepada Ahli Yang Diinsuranskan yang dilindungi di bawah Polisi ini dan mana-mana Lampiran.

Seksyen C – Kontrak

1. Hak-hak Pemegang Polisi Induk atau Pemegang Sijil atau Ahli Yang Diinsuranskan atau mana-mana benefisiari di bawah Polisi tidak akan dijejaskan oleh apa-apa peruntukan kecuali peruntukan yang terkandung dalam Polisi.
2. Tiada orang kecuali kakitangan yang diberi kuasa oleh PAMB mempunyai hak kuasa untuk mengubah atau meminda Polisi, untuk menerima premium yang tertunggak atau memanjangkan tempoh bagi pembayaran premium, mengetepikan mana-mana notis atau bukti tuntutan yang diperlukan oleh Polisi, atau untuk memanjangkan tarikh yang mana notis atau bukti tersebut mesti diberikan. Tiada perubahan dalam Polisi akan menjadi sah kecuali jika ia diluluskan oleh PAMB dan Pemegang Polisi Induk dan dibuktikan oleh endorsemen, atau pindaan yang ditandatangani oleh PAMB dan Pemegang Polisi Induk.
3. Tiada pihak boleh menyerahhak, memindahkan atau menggadai semua atau mana-mana hak atau kewajipan di bawah Polisi tanpa persetujuan bertulis daripada pihak yang satu lagi.

Seksyen D – Sijil Insurans

1. Kami akan mengeluarkan dan menghantarkan sijil insurans kepada Pemegang Sijil, untuk mengesahkan bahawa orang yang dinamakan tersebut telah menjadi seorang Ahli Yang Diinsuranskan di bawah Polisi.
2. Jika terdapat percanggahan antara peruntukan dalam Polisi Induk (merujuk kepada Polisi Induk antara Pemegang Polisi Induk dengan Kami, termasuk sebarang rider, adendum, endorsemen, pindaan yang ditandatangani oleh PAMB) dengan Sijil Insurans, peruntukan dalam Polisi Induk akan diguna pakai.

Seksyen E – Salah Nyataan

Jika umur atau tarikh lahir Ahli Yang Diinsuranskan didapati telah disalah nyatakan, Kami akan menggunakan umur sebenar apabila menentukan manfaat yang sepatutnya diberikan dan membuat pelarasan yang sewajarnya pada premium atau manfaat.

Seksyen F – Undang-Undang Yang Diguna Pakai

Polisi tersebut hendaklah ditafsirkan dan ditadbir oleh undang-undang Malaysia. Parti-parti tersebut hendaklah tunduk kepada bidang kuasa eksklusif Mahkamah di Malaysia.

Seksyen G - Prosiding Guaman

Tiada tindakan undang-undang atau ekuiti akan diambil untuk memulihkan Polisi tersebut sebelum tamat tempoh enam puluh (60) hari selepas bukti tuntutan secara bertulis telah difailkan selaras dengan keperluan dalam Polisi tersebut.

Seksyen H – Tidak Boleh Disangkal

Sijil Insurans tidak boleh disangkal, kecuali apabila terdapat penipuan, selepas ia telah berkuatkuasa selama dua (2) tahun dalam hayat Ahli Yang Diinsuranskan dari Tarikh Masuk.

Seksyen I – Penamatan Polisi

Polisi tersebut boleh ditamatkan sama ada oleh Pemegang Polisi Induk atau PAMB dengan memberi notis bertulis yang tidak kurang daripada tiga puluh (30) hari kepada pihak satu lagi sebelum penamatan tersebut menjadi efektif.

Sekiranya terdapat penamatan sebegini, perlindungan insurans bagi Ahli Yang Diinsuranskan di bawah Sijil Insurans akan berterusan sehingga tarikh tamat bagi tempoh untuk premium yang dibayar berkenaan dengan insuransnya. Penamatan ini tidak akan menjejaskan mana-mana tuntutan di mana tuntutan tersebut berlaku sebelum penamatan ini berkuatkuasa.

Seksyen J – Polisi Tanpa Penyertaan

Polisi tidak berhak menerima sebarang pengagihan keuntungan PAMB.

Seksyen K – Tempoh Rujukan Percuma

Pemegang Sijil diberi Tempoh Rujukan Percuma sebanyak tiga puluh (30) hari atau tempoh yang lebih panjang seperti yang ditentukan oleh Bank Negara Malaysia selepas tarikh Sijil Insurans dihantarkan untuk mengkaji Sijil Insurans. Jika Pemegang Sijil berputus untuk membatalkan perlindungan di bawah Sijil Insurans, Pemegang Sijil mestilah memberi salinan keizinan bertulis daripada Pemegang Polisi Induk kepada PAMB dan mengembalikan Sijil Insurans tersebut kepada PAMB dalam Tempoh Rujukan Percuma. PAMB harus membayar balik premium yang dibayar selepas menolak sebarang kos perubatan yang telah PAMB bayar atau bersetuju untuk bayar berkenaan dengan pemeriksaan perubatan Ahli Yang Diinsuranskan. Bayaran balik ini harus dibayar kepada Pemegang Sijil sekiranya Premium tidak dibiayai oleh Pemegang Polisi Induk. Walau bagaimanapun, jika Premium tersebut dibiayai oleh Pemegang Polisi Induk, bayaran balik ini harus dibayar kepada Pemegang Polisi Induk.

Seksyen L – Bukti Umur

Bukti umur perlu dikemukakan sebelum bayaran tuntutan. Sijil Insurans akan menyatakan bahawa umur Ahli Yang Diinsuranskan telah diakui atau tidak. Jika ia belum diakui, Pemegang Sijil perlu menghantar sesalinan kad pengenalan atau sijil lahirnya kepada Kami untuk rekod Kami dengan segera.

Seksyen M – Penamaan Benefisiari

Jika Susunan Pihak yang dinyatakan dalam Jadual Sijil Insurans bagi Sijil Insurans ini adalah susunan 3 pihak, Ahli Yang Diinsuranskan boleh menamakan benefisiari(-benefisiari) untuk menerima Manfaat Ihsan atau apa-apa wang berbayar di bawah Polisi ini, jika ada, sekiranya berlaku kematian Ahli Yang Diinsuranskan.

Penamaan Benefisiari atau perubahan benefisiari(-benefisiari) boleh dilakukan dengan melengkapkan borang penamaan berkenaan yang boleh didapati daripada wakil UOB Malaysia atau laman web korporat PAMB.

Seksyen N – Pertukaran Alamat dan sebarang Maklumat Peribadi Lain

Adalah penting bahawa Pemegang Sijil memaklum kepada Kami maklumat-maklumat hubungan yang terkini bagi Pemegang Sijil dan benefisiari(-benefisiari) (jika ada) supaya Kami boleh memberitahu Pemegang Sijil sebarang maklumat yang penting.

Seksyen O – Cukai

Cukai boleh dikenakan atau dinaikkan, pada bila-bila masa ke atas premium, caj atau bayaran lain yang dikenakan terhadap Pemegang Sijil untuk Sijil Insurans ini. Sekiranya begitu, Pemegang Sijil hendaklah membayar Cukai berkenaan mengikut kadar semasa yang tersedia.

Seksyen P - Salah Nyataan / Penipuan

1. Jika jawapan, penyertaan, atau maklumat yang dibekalkan oleh Pemegang Polisi Induk, Syarikat dan/atau Ahli Yang Diinsuranskan sebelum Sijil Insurans dibuat, diubah atau diperbaharui didapati palsu, salah nyataan atau mengelirukan, atau jika Pemegang Polisi Induk, Syarikat dan/atau Ahli Yang Diinsuranskan gagal membekalkan maklumat seperti yang diperlukan, Kami mempunyai hak untuk membatalkan Sijil Insurans atau melaksanakan sebarang hak yang Kami pegang seperti yang dinyatakan dalam Jadual 9 di bawah Akta Perkhidmatan Kewangan 2013 atau sebarang undang-undang yang menggantikan Akta ini. Dalam hal ini, setiap pulangan wang yang dibuat harus dibayar kepada Pemegang Polisi Induk.
2. Sekiranya terdapat sebarang maklumat yang diberikan untuk menyokong sebarang manfaat atau tuntutan yang dibuat oleh Pemegang Sijil dan Ahli Yang Diinsuranskan adalah diberikan secara penipuan atau dibesar-besarkan, atau terdapat apa-apa pengakuan palsu dibuat untuk menyokong tuntutan tersebut, Kami mempunyai hak untuk menamatkan Sijil Insurans ini.

Seksyen Q – Perubahan kepada Sijil Insurans

1. Kami boleh membuat sebarang perubahan kepada peruntukan dalam Sijil Insurans ini dengan memberi Pemegang Sijil notis atas mana-mana satu sebab berikut:
 - (a) jika berdasarkan kepada apa-apa undang-undang, peraturan-peraturan, perintah, arahan, syarat, piawaian, garis panduan dan kod amalan oleh mana-mana badan berkanun atau badan yang dikawal selia oleh kerajaan atau persatuan, Kami anggapkan perlu membuat perubahan tersebut;
 - (b) untuk bertindak balas kepada perubahan terhadap cara Sijil Insurans ini diuruskan atau ditadbir, dengan memberi perhatian sewajarnya kepada keperluan untuk memberi layanan yang berpatutan kepada Pemegang Polisi Induk (atau Pemegang Sijil apabila diperlukan di bawah undang-undang);
 - (c) untuk bertindak balas kepada perubahan dalam teknologi atau amalan umum dalam industri insurans; atau
 - (d) membetulkan kesilapan, jika ia adalah munasabah untuk berbuat demikian.

Seksyen R – Notis-notis

1. Semua notis mesti dibuat secara bertulis dan akan dianggap sebagai disampaikan kepada Pemegang Sijil jika ia dihantarkan atau dihantar atau ditinggalkan di alamat terakhir Pemegang Sijil atau mana-mana alamat yang Pemegang Sijil memberi kepada Kami secara bertulis. Mana-mana notis yang dihantar melalui pos akan dianggap sebagai notis bertulis dan diterima tiga (3) hari selepas ia diposkan.
2. Kami boleh memberi Pemegang Polisi Induk atau Pemegang Sijil notis melalui faks, e-mel, pesanan teks, atau kaedah elektronik. Kami juga boleh berikan Pemegang Polisi Induk atau Pemegang Sijil notis melalui kaedah yang lain, jika Kami anggap keadaannya adalah bersesuaian selepas mempertimbangkan perkembangan pasaran atas kaedah tersebut. Sebarang notis yang dihantar melalui faks akan dianggap sebagai notis bertulis dan disampaikan apabila Kami menerima pengesahan transmisi tersebut. Jika notis dihantar melalui e-mel atau pesanan teks atau kaedah elektronik atau mana-mana kaedah lain, ia akan dianggap sebagai notis bertulis dan disampaikan pada hari perniagaan berikutnya selepas penghantaran.
3. Semua notis dan/atau tuntutan mesti disampaikan kepada Kami secara bertulis. Ia hanya akan dianggap sebagai disampaikan jika ia disampaikan sendiri, atau disampaikan melalui pos berdaftar yang dialamatkan kepada Ibu Pejabat Kami, atau ia telah disampaikan kepada Kami dan Kami telah sebenarnya menerimanya. Rujukan kepada Nombor Polisi Induk dan Nombor Sijil Insurans yang ditunjukkan dalam Sijil Insurans mestilah ditulis dalam sebarang notis dan/atau tuntutan untuk ia menjadi sah.

Seksyen S - Pencegahan Pengubahan Wang Haram, Pencegahan Pembiayaan Keganasan dan Hasil Daripada Aktiviti Haram

1. Tanpa menghiraukan apa yang mungkin Kami nyatakan dalam Polisi ini, (i) jika Kami mendapat tahu, atau dimaklumkan bahawa Pemegang Polisi Induk, Syarikat, Ahli yang Diinsuranskan, atau mana-mana pemilik benefisial yang dinamakan di peringkat pemohonan insurans, benefisiari, mana-mana individu atau entiti yang dikaitkan dengan Polisi ini, disenaraikan dalam mana-mana senarai Sanksi, atau diancam untuk disenaraikan dalam mana-mana senarai

Sanksi, atau (ii) jika Kami atau mana-mana bank atau mana-mana pihak ketiga berkenaan mungkin didapati melanggar kewajipan di bawah Sanksi akibat pengambilan apa-apa tindakan di bawah Polisi ini, maka Kami boleh:

- (a) menamatkan Polisi ini dengan serta-merta dengan memberi notis atau tanpa memberi notis terdahulu kepada Pemegang Polisi Induk, Syarikat dan/atau Ahli yang Diinsuranskan; dan/atau
 - (b) mengambil apa-apa tindakan yang Kami anggap berpadanan, termasuk tetapi tidak terhad kepada memaklumkan pihak kerajaan berkuasa yang berkaitan, menahan apa-apa pembayaran, membekukan apa-apa wang yang dibayar kepada Kami, dan menyerahkan apa-apa pembayaran atau wang kepada pihak kerajaan berkuasa yang berkaitan.
2. Kami tidak akan bertanggungjawab ke atas sebarang kerugian dalam apa jua keadaan yang Pemegang Polisi Induk, Syarikat, Ahli yang Diinsuranskan, atau sesiapa sahaja yang mungkin akan menanggung sebagai akibat Kami mengambil langkah menurut seksyen ini. Seksyen ini, dan keberhakan Kami untuk menuntut sebarang kerugian yang Kami akan menanggung berikutan dengan operasi seksyen ini, akan tetap berkuatkuasa walaupun selepas Polisi ini ditamatkan.

Bagi tujuan seksyen ini, “Sanksi” bermaksud:

langkah sekatan yang dijatuhkan terhadap suatu rejim, negara-negara, kerajaan-kerajaan, entiti-entiti, individu-individu dan industri yang menjadi target, oleh badan antarabangsa atau kerajaan di Malaysia atau di luar Malaysia, termasuk tetapi tidak terhad kepada Office of Financial Sanctions Implementation HM Treasury, Bangsa-bangsa Bersatu, Kesatuan Eropah, Office of Foreign Assets Control bagi Jabatan Perbendaharaan Amerika Syarikat, dan Kementerian Dalam Negari di Malaysia.

Seksyen T – Notis kepada Pemegang Sijil (Perkhidmatan Ombudsman Pasaran Kewangan dan Perkhidmatan Pelanggan)

1. **Perkhidmatan Pelanggan**
Kami berkomited untuk membekalkan servis berkualiti kepada semua pelanggan Kami. Sila menghubungi Wakil Perkhidmatan Pelanggan Kami atau wakil UOB Malaysia anda jika anda mempunyai sebarang pertanyaan berkaitan dengan Sijil Insurans. Jika terdapat kesilapan, Kami juga perlu dimaklumkan, supaya dapat menyelesaikan kesilapan tersebut. Anda boleh menghubungi Kami melalui telefon melalui Talian Perkhidmatan Pelanggan yang berdedikasi kepada pelanggan UOB Malaysia di 03-2771 2499 atau Talian Perkhidmatan Pelanggan umum Kami di 03-2771 0228, pada waktu pejabat, 8.30am - 5.15pm; Isnin sehingga Jumaat.
2. **Kesedaran Pengguna**
BNMLINK dan BNMTELELINK membekalkan perkhidmatan pelanggan untuk pertanyaan umum dan aduan awam dalam perkara-perkara yang berkaitan dengan sektor kewangan. Selain itu, ia juga membekalkan maklumat mengenai aspek pengawalseliaan produk insurans dan servis. BNMLINK and BNMTELELINK boleh dihubungi dalam alamat berikut:

BNMLINK

(Pusat Khidmat Pelanggan Jumpa Terus)
Tingkat Bawah, Blok D,
Jalan Dato' Onn,
50480 Kuala Lumpur
Waktu Beroperasi: 9.00pagi-5.00petang (Isnin-Jumaat)

BNMTELELINK

Jabatan LINK & Pejabat Wilayah
Bank Negara Malaysia
Peti Surat 10922
50929 Kuala Lumpur
Tel: 1-300-88-5465 (LINK)
Faks: 03-2174 1515
E-mel: bnmtelelink@bnm.gov.my

3. **Perkhidmatan Ombudsman Pasaran Kewangan**
Perkhidmatan Ombudsman Pasaran Kewangan adalah ditubuhkan untuk menawarkan perlindungan pengguna kepada pemegang polisi, dan menyelesaikan pertikaian berhubung penyelesaian tuntutan di antara syarikat insurans dan pengguna/pemegang polisi. Mana-mana pemegang polisi yang tidak berpuas hati dengan keputusan syarikat insurans boleh menulis kepada ombudsman di alamat berikut:

Perkhidmatan Ombudsman Pasaran Kewangan

(Dahulunya dikenali sebagai Ombudsman Perkhidmatan Kewangan)

No Syarikat: 200401025885

Tingkat 14, Blok Utama

Menara Takaful Malaysia

No.4, Jalan Sultan Sulaiman

50000 Kuala Lumpur

Talian Am: +603-2272 2811

Laman Web: www.fmos.org.my

4. **Jabatan LINK & Pejabat Wilayah**

Jabatan LINK & Pejabat Wilayah di Bank Negara Malaysia mengawasi dan memantau pengaduan dan pertanyaan am mengenai insurans dan yang berkaitan dengan insurans. Jabatan LINK & Pejabat Wilayah boleh dihubungi di alamat berikut:

Jabatan LINK & Pejabat Wilayah

Bank Negara Malaysia

Tingkat 13C

Peti Surat 10922

50929 Kuala Lumpur

Tel: 03-2698 8044

Faks: 03-2693 4051